

28 AUG 2001

PERDANA MENTERI TERIMA KERETA KELISA DARIPADA PERODUA

PUTRAJAYA, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kereta "Kelisa", model terbaru keluaran Perusahaan Otomobil Nasional Kedua (Perodua).

Pengarah Urusan Perodua Datuk Abdul Rahman Omar menyerahkan sendiri kereta Kelisa berwarna merah hati dengan nombor pendaftaran PERODUA 2001 itu kepada Dr Mahathir pada majlis ringkas di ruang letak kereta Pejabat Perdana Menteri.

Dr Mahathir kemudian memandu kereta itu pulang ke kediaman rasminya, Seri Perdana.

Kereta pertama model Kelisa dilancarkan oleh Perdana Menteri di Kilang Perodua, Sungai Choh, Rawang awal bulan ini. Nama Kelisa dipilih daripada sejenis ikan yang dikenali sebagai Arowana atau meja emas.

Perodua Kelisa mempunyai enjin 1,000 cc DOHC 12 injap minyak elektronik dan ia mula dijual kepada orang ramai dengan harga RM36,000 dan RM39,000 selepas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan penjualannya pada 24 Ogos lalu.

Sejak memulakan operasi tujuh tahun lepas, Perodua telah mengeluarkan empat model -- Kancil, Rusa, Kembara dan Kenari -- sebelum Kelisa sebagai model terbarunya.

-- BERNAMA  
AT KHY NMO